

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Rabu, 27 Ogos 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK KECENDERUNGAN PERNIAGAAN SUKU TAHUN KETIGA 2025

Sentimen perniagaan mereda pada suku ketiga tahun 2025, seperti yang dicerminkan oleh petunjuk keyakinan positif +0.1 peratus

PUTRAJAYA, 27 OGOS 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini menerbitkan **Statistik Kecenderungan Perniagaan bagi Suku Tahun Ketiga 2025** yang menunjukkan sedikit penyederhanaan dalam sentimen perniagaan dengan petunjuk keyakinan sebanyak +0.1 peratus. Penerbitan ini memaparkan jangkaan prestasi perniagaan bagi tiga dan enam bulan yang akan datang. Statistik ini adalah berdasarkan Survei Kecenderungan Perniagaan yang dijalankan secara suku tahunan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Perniaga menjangkakan penyederhanaan dalam persekitaran perniagaan pada suku ketiga 2025, disokong oleh petunjuk keyakinan positif +0.1 peratus, yang mencerminkan optimisme berterusan daripada +2.0 peratus pada suku sebelumnya" **(Paparan I)**.

Dalam kalangan semua sektor, sektor Perkhidmatan mengekalkan sentimen positif pada suku ketiga 2025 dengan mencatatkan petunjuk keyakinan +1.5 peratus berbanding +6.9 peratus pada suku sebelumnya, menunjukkan keyakinan yang stabil meskipun menyederhana. Sektor Pembinaan merekodkan petunjuk keyakinan -2.0 peratus pada suku ketiga 2025 berbanding +4.6 peratus pada suku sebelumnya, menggambarkan peralihan kepada jangkaan yang lebih berhati-hati. Sementara itu, sektor Perindustrian terus optimis dengan peningkatan dalam Petunjuk keyakinan kepada +2.2 peratus berbanding +1.9 peratus pada suku kedua 2025. Bagi sektor Perdagangan Borong dan Runcit, petunjuk keyakinan mencatatkan -7.3 peratus pada suku ketiga 2025, sedikit lebih rendah berbanding -6.7 peratus pada suku kedua 2025, yang mencerminkan kewaspadaan berterusan dalam sektor tersebut. Walau bagaimanapun, sub-sektor Perdagangan Runcit kembali mencatatkan trajektori positif dengan petunjuk keyakinan +1.9 peratus berbanding -8.4 peratus pada suku sebelumnya (**Paparan II**).

Pada suku ketiga 2025, petunjuk keyakinan perniagaan peringkat negeri menyerlahkan daya tahan yang menggalakkan, dengan beberapa negeri menunjukkan peningkatan ketara walaupun yang lain menyesuaikan diri dengan cabaran jangka pendek. Sentimen optimis dilihat di Johor (+0.5%), Negeri Sembilan (+6.5%), Perlis (+6.6%), Selangor (+5.0%), Terengganu (+17.1%), Sabah (+8.2%), Sarawak (+2.4%), W.P. Kuala Lumpur (+1.6%) dan W.P. Putrajaya (+3.1%). Sementara itu, Kedah (-1.6%), Kelantan (-3.9%), Melaka (-8.4%), Pahang (-1.2%), Pulau Pinang (-14.3%), Perak (-11.1%) dan Labuan (-4.6%) mencatatkan bacaan negatif, dengan penguncupan paling ketara dilihat di Pulau Pinang, Perak dan Melaka, menandakan cabaran yang semakin meningkat dalam iklim perniagaan mereka seperti yang digambarkan dalam **Paparan III**.

Bagi tempoh Julai hingga Disember 2025, prospek perniagaan keseluruhan kekal positif dengan mencatatkan imbalan bersih +9.9 peratus berbanding +10.9 peratus pada separuh tahun sebelumnya (**Paparan IV**). Sektor Perkhidmatan menunjukkan daya ketahanan yang stabil dengan peningkatan marginal kepada imbalan bersih +19.5 peratus berbanding +18.3 peratus. Prospek sektor Pembinaan turut bertambah baik dengan imbalan bersih +14.5 peratus berbanding +13.1 peratus. Seiring dengan

itu, sektor Perindustrian menjangkakan persekitaran perniagaan yang menggalakkan dengan imbalan bersih +11.1 peratus berbanding +12.0 peratus pada tempoh sebelumnya. Sementara itu, sektor Perdagangan Borong dan Runcit merekodkan imbalan bersih -10.5 peratus berbanding -4.8 peratus pada tempoh sebelumnya **(Paparan V).**

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23. Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
27 OGOS 2025


Paparan I: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan, Malaysia, 2022 – 2025




Paparan II: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan Mengikut Sektor, Malaysia, 2024 – 2025



Paparan III: Petunjuk Keyakinan Negeri bagi Suku Tahun Kedua 2025, Malaysia



Paparan IV: Imbangan Bersih Jangkaan Prestasi Perniagaan Bagi Enam Bulan Akan Datang, Malaysia, 2023 – 2025



**Paparan V: Imbangan Bersih Suku Tahunan Mengikut Sektor, Malaysia,
2024 – 2025**

